

TAHAP PENYESUAIAN DIRI MASYARAKAT MUALAF DI SARAWAK SELF ADAPTATION LEVEL OF MUALLAF IN SARAWAK

Qamarul Arifin bin Ali^{1*}, Muhammad Yusuf Marlon bin Abdullah²

^{1*} Pelajar Sarjana Dakwah dan Pembangunan Komuniti, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), gamarularifin@ukm.edu.my

² Dr, Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), yusufmarlon@kuis.edu.my

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembetulan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

Abstrak

Masyarakat di Malaysia mempunyai kepelbagaian bangsa dan kaum. Hal ini menyebabkan, golongan *mualaf* yang baru berjinak-jinak dengan agama Islam sukar untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat sekitarnya. Dalam usaha memberikan keselesaan kepada *mualaf* untuk bergaul dengan masyarakat setempat, kajian ini sangat diperlukan. Justeru, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk membincangkan tahap penyesuaian diri *mualaf* dan beberapa perkara berkaitan dengan *mualaf* di Sarawak. Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan mengumpul dan meneliti maklumat-maklumat berkaitan dengan *mualaf* di Sarawak serta kajian-kajian lampau seperti jurnal, artikel mahupun buku. Dapatan kajian mendapati, faktor utama yang mempengaruhi adalah golongan *mualaf* ini dapat bergaul dengan masyarakat dan bangsa-bangsa lain. Oleh itu, penulis mengharapkan agar kajian ini dapat dijadikan panduan kepada golongan *mualaf* khususnya dan golongan pendakwah amnya.

Kata kunci

masyarakat, *mualaf*, penyesuaian diri, Sarawak, tahap

Abstract

Society in Malaysia has a diversity of races and ethnicities. This causes the converts who have just become acquainted with Islam to find it difficult to adapt to the surrounding community. In order to provide comfort to converts to socialize with the local community, this study is very necessary. Thus, this study was conducted with the aim of discussing the adaptation of converts and some matters related to converts in Sarawak. This study was conducted qualitatively by collecting and examining information related to converts in Sarawak as well as past studies such as journals, book articles. The findings of the study obtained, the main factor that is different is that these converts can get along with other communities and nations. Therefore, the author hopes that this study can be used as a guide for specific converts and preachers in general.

Keywords

Society, reverter, self-adjustment, Sarawak, level

1. Pengenalan

Kajian ini akan memperincikan tentang hasil kajian yang telah dijalankan berkaitan Tahap Penyesuaian Diri Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan *Mualaf* di Sarawak. Berdasarkan penemuan kajian, bahagian ini memberi tumpuan kepada tiga bahagian iaitu Bahagian A- Demografi responden, Bahagian B- Cabaran Golongan *Mualaf* Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan *Mualaf* di Sarawak dan Bahagian C- Tahap Penyesuaian Diri *Mualaf* Dalam Masyarakat. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 185 orang *mualaf* di sekitar negeri Sarawak.

Saudara Muslim atau *mualaf* merupakan pelaku agama yang tidak dilahirkan sebagai Muslim dan mereka diterapkan ke dalam tradisi agama yang mana mereka tidak pernah bersosialisasi dengannya (Suraya dan Khadijah, 2012).

Pengertian dari sudut bahasa, Kamus Dewan menjelaskan perkataan *mualaf* sebagai orang-orang yang baru memeluk Islam atau Saudara Baru (Kamus Dewan 2002: 900). Manakala dalam Lisan al-cArab perkataan *mualaf* berasal dari allafa bererti menghimpunkan sesuatu dengan sesuatu atau menyatukan sesuatu dengan sesuatu (Ibn Manzur, 2000).

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, saudara baru Cina, saudara baru India atau lain-lain masyarakat dirujuk dan diistilahkan sebagai *mualaf* oleh masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khasnya (Anuar Puteh 1999: 1). Anuar Puteh (2002: 30) juga menulis dalam buku Masa Depan Saudara Baru-Harapan, Realiti dan Cabaran, Saudara Baru merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkecayaan.

Mualaf adalah satu golongan masyarakat yang baru memeluk agama Islam. Mereka merupakan golongan yang asalnya bukan berada di dalam agama Islam, tetapi dalam satu masa yang sesuai, mereka telah kembali kepada fitrah Islam dan mereka inilah yang digelar dengan gelaran *mualaf*. Terdapat banyak golongan *mualaf* di Malaysia, antaranya adalah *mualaf* Cina, *mualaf* India, *mualaf* Orang Asli dan banyak lagi.

Data-data berkaitan dengan demografi responden dianalisis secara statistik deskriptif menggunakan kekerapan (F), peratus (%) dan *crosstab*. Manakala data berkaitan faktor-faktor tarikan terhadap Islam dianalisis dalam bentuk statistik deskriptif seperti mod, *crosstab*, kekerapan (F), peratus (%) dan skor min.

Nilai alpha Cronbach bagi soal selidik Tahap Penyesuaian Diri Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan *Mualaf* di Sarawak adalah 0.902. Nilai ini boleh dirujuk di dalam jadual 1.

Jadual 1: Kebolehpercayaan Soal Selidik

Cronbach's Alpha	N of Items
.902	51

2. Demografi responden

Demografi responden golongan *mualaf* yang dimaksudkan dalam kajian ini terdiri daripada umur, jantina, bangsa, tahun memeluk Islam, status perkahwinan dan kelulusan akademik. Demografi responden adalah penting untuk mengetahui beberapa maklumat penting berhubung dengan kajian.

2.1 Umur

Maklumat mengenai umur responden golongan *mualaf* di Sarawak dipaparkan dalam Jadual 2. Umur responden dikategorikan kepada enam peringkat iaitu 18 tahun ke bawah, 19-25 tahun, 26-30 tahun, 31-35 tahun, 36-40 tahun dan 41 tahun ke atas. Hasil kajian menunjukkan daripada jumlah 185 responden, paling banyak ditunjukkan oleh responden yang berada dalam kumpulan umur 26-30 tahun iaitu sebanyak 34.6% (64 orang) diikuti dengan kumpulan 31-35 tahun iaitu sebanyak 22.2% (41 orang) dan kemudian kategori umur 36-40 tahun iaitu sebanyak 18.9% (35 orang). Manakala tiga responden yang paling kecil bilangannya ialah kumpulan 41 tahun ke atas iaitu sebanyak 11.4% (21 orang), diikuti dengan kumpulan 19-25 tahun iaitu sebanyak 10.8% (20 orang) dan kumpulan yang terkecil adalah berumur 18 tahun ke bawah iaitu sebanyak 2.2% (4 orang). Kajian menunjukkan golongan *mualaf* dalam kumpulan 26-30 tahun paling ramai menganut agama Islam di kawasan kajian. Manakala yang paling sedikit ialah dalam kumpulan 18 tahun ke bawah.

Jadual 2 Taburan umur responden golongan *mualaf* di Sarawak

Kategori umur responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
18 tahun ke bawah	4	2.2
19-25 tahun	20	10.8
26-30 tahun	64	34.6
31-35 tahun	41	22.2
36-40 tahun	35	18.9
41 tahun ke atas	21	11.4
Jumlah	185	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2019

2.2 Jantina

Dari segi jantina, hasil kajian menunjukkan bahawa jumlah bagi responden perempuan adalah tinggi berbanding jumlah responden lelaki. Jumlah bagi responden perempuan adalah seramai 96 orang (51.9%) dan jumlah bagi responden lelaki adalah 89 orang (48.1%). Hasil daripada taburan jantina boleh dirujuk pada Jadual 3.

Jadual 3 Taburan jantina responden golongan *mualaf* di Sarawak

Kategori jantina responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Lelaki	89	48.1
Perempuan	96	51.9
Jumlah	185	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2019

2.3 Bangsa

Maklumat mengenai bangsa, hasil kajian menunjukkan bahawa seramai 185 orang responden berlainan bangsa telah menjawab soal selidik termasuk 30 dari kajian rintis. Jumlah yang paling banyak adalah dalam kalangan etnik Sarawak sendiri yang terdiri dari pelbagai kaum antaranya Melanau, Iban dan banyak lagi. Golongan ini adalah sebanyak 87.6% (162 orang). Manakala masyarakat Cina pula sebanyak 8.1% (15 orang), diikuti bangsa India iaitu 3.8% (7 orang) dan yang paling sedikit adalah bangsa yang bukan berasal dari warganegara Malaysia sendiri iaitu sebanyak 0.5% (1 orang). Daripada taburan bangsa ini, dapat dilihat bahawa masyarakat bangsa yang berasal dari Sarawak sendiri ramai yang memeluk agama Islam ini. Hal ini adalah disebabkan oleh etnik di Sarawak terlalu banyak dan kawasan kajian adalah di Sarawak.

Jadual 4 Taburan bangsa responden golongan *mualaf* di Sarawak

Kategori bangsa responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Cina	15	8.1
India	7	3.8
Etnik Sarawak	162	87.6
Bukan warganegara	1	.5
Jumlah	185	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2019

2.4 Tahun Memeluk Islam

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh golongan *mualaf* di Sarawak berkaitan tahun memeluk Islam (Jadual 5), majoriti dari responden iaitu sebanyak 76 orang (41.1%) responden telah memeluk Islam 6 tahun ke atas, seramai 52 orang responden (28.1%) memeluk Islam dalam tempoh 4-5 tahun, manakala 34 orang responden (18.4%) memeluk agama Islam di antara 2-3 tahun dan berbaki 23 orang responden (12.4%) memeluk Islam kurang dari tempoh setahun. Tempoh memeluk Islam 6 tahun ke atas tahun sudah memadai sebagai penilai jika diri seseorang *mualaf* mempunyai minat dan cenderung kepada agama Islam.

Jadual 5 Taburan tahun memeluk Islam responden golongan *mualaf* di Sarawak

Kategori tahun memeluk islam responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Setahun kebawah	23	12.4
2-3 tahun	34	18.4
4-5 tahun	52	28.1
6 tahun ke atas	76	41.1
Jumlah	185	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2019

2.5 Status Perkahwinan

Hasil kajian, Jadual 6 menunjukkan majoriti daripada responden adalah bujang iaitu sebanyak 79 orang responden (42.7%), seramai 74 orang responden (40.0%) sudah berkahwin dan 32 orang responden (17.3%) adalah duda/janda.

Jadual 6 Taburan status perkahwinan responden golongan *mualaf* di Sarawak

Kategori status perkahwinan responden	Kekerapan (F)	Peratus (%)
Bujang	79	42.7
Berkahwin	74	40.0
Duda/Janda	32	17.3
Jumlah	185	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2019

2.6 Kelulusan Akademik

Hasil kajian berkaitan kelulusan akademik menerusi gambaran dalam Jadual 7, golongan *mualaf* di Sarawak didapati tahap-tahap taraf pendidikan yang berbeza. Majoriti responden iaitu sebanyak 103 orang responden (55.7%) berkelulusan pendidikan rendah (UPSR, Penilaian Darjah 5 dan kebawah), diikuti 59 orang responden (31.9%) sampai pada tahap Pendidikan Menengah (SPM, PMR, SRP), manakala 14 orang responden (7.6%) mempunyai diploma/STPM, dan seterusnya seramai 9 orang (4.9%) melanjutkan pelajaran sehingga peringkat Ijazah. Ini bererti sebanyak 55.7% tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran sehingga peringkat sekolah menengah dan seterusnya kepada peringkat yang lebih tinggi. Untuk melihat gambaran yang lebih jelas berkaitan pembahagian kategori taraf pendidikan masyarakat ini boleh dirujuk pada jadual 7. Dalam jadual 7, kaedah *crosstab* yang terdapat dalam SPSS versi 21 digunakan bagi menggambarkan secara lebih terperinci berkaitan pembahagian kategori taraf pendidikan masyarakat ini.

Jadual 7 Taburan taraf pendidikan responden golongan *mualaf* di Sarawak

Kategori responden	taraf pendidikan	Kekerapan (F)	Peratus (%)
	Ijazah	9	4.9
	Diploma/STPM	14	7.6
	Pendidikan Menengah (SPM, PMR, SRP)	59	31.9
	Pendidikan Rendah(UPSR, Penilaian Darjah 5)	103	55.7
	Jumlah	185	100.0

Sumber: Soal Selidik, 2019

3. Cabaran Golongan *Mualaf* Terhadap Masyarakat dalam Kalangan *Mualaf* di Sarawak

Golongan *mualaf* tidak terlepas daripada cabaran-cabaran ketika memeluk Islam yang mampu menggugat keimanan dan pegangan mereka sekiranya tidak teguh pendirian. Pelbagai jenis cabaran yang terpaksa dilalui sama ada dari segi kejutan budaya, tentangan ahli keluarga, penghinaan masyarakat, gangguan emosi dan sebagainya. Bila cabaran ini tidak dapat diatasi dengan bijak dan segera maka masalah lain akan timbul bahkan akan membawa kepada lebih serius iaitu kembali kepada agama asal (murtad). Oleh itu, hasil daripada kajian-kajian yang lalu secara umumnya penulis akan menyenaraikan beberapa cabaran yang dihadapi oleh golongan *mualaf* dan penulis akan membahagikan cabaran tersebut kepada tiga kategori, iaitu cabaran daripada ahli keluarga, masyarakat dan agama Islam itu sendiri.

3.1 Ahli Keluarga

Pelbagai cabaran ditempuh oleh saudara Muslim semasa dan selepas memeluk agama Islam. Antaranya ialah mendapat tentangan yang hebat daripada keluarga kandung yang belum menukar agama. Sikap pemuluan ke atas diri saudara Muslim, kenyataan tidak mengakui anak kandung oleh bapa, tidak dibenarkan pulang ke rumah dan putusanya segala perhubungan sama ada dari segi kekeluargaan, kewangan dan hubungan sosial yang lain, benar-benar mengganggu emosi dan seterusnya menyebabkan tekanan perasaan (Nur A'thirah Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham 2009: 91).

Sebahagian cabaran yang dihadapi oleh *mualaf* ialah penyingkiran dan pemuluan daripada kaum keluarga sendiri. Sebahagian ahli keluarga menganggap menukar agama kepada Islam adalah satu perbuatan yang amat dibenci kerana mereka beranggapan bahawa Islam adalah hanya untuk orang Melayu. Memeluk Islam dianggap sebagai satu pengkhianatan dan penghinaan kepada keturunan dan perjuangan bangsa kerana bagi mereka ia termasuk kepada perbuatan memutuskan ikatan kekeluargaan. Lantaran itu, ada di kalangan *mualaf* yang disingkirkan oleh keluarga dan masyarakat mereka. Terdapat juga sesetengah *mualaf* yang tinggal bersama keluarga yang bukan Muslim namun mereka seolah-olah disisihkan dari

segala aspek kehidupan. Masalah ini bukanlah suatu benda yang baru bahkan ianya seakan-akan telah menjadi satu tradisi yang wujud bersama-sama penerimaan *mualaf* terhadap agama Islam (Abdul Ghafar Haji Don & et.al. t.th.: 43).

Dalam konteks saudara kita di JAIS, terdapat sebahagian yang pemeluk Islam mereka tidak dapat diterima oleh keluarga asal menyebabkan mereka diboikot serta tidak dibenarkan terlibat dalam apa jua aktiviti dan perayaan yang disambut. Tidak cukup dengan itu, mereka disindir serta dilontarkan dengan kata-kata kesat yang boleh melemahkan pegangan akidah mereka. Tekanan-tekanan sebegini menyebabkan saudara kita ini putus asa dan akhirnya ada yang berusaha untuk kembali kepada agama asal.

Tekanan keluarga baru saudara kita turut menyumbang kepada berlakunya cabaran dalam kehidupan mereka. Terdapat keluarga baru yang tidak dapat menerima sepenuhnya saudara kita yang baru memeluk Islam. Menurut temubual yang dijalankan oleh Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao dalam Isu dan Cabaran Saudara Kita di Jabatan Agama Islam Sarawak:

“Dalam erti kata lain keluarga tidak menerima anak dia telah bertukar agama. Kemudian diikuti pulak dengan boikot daripada pihak keluarga ataupun serangan dari segi psikologinya, tekanan dalam bentuk mental, diboikot ataupun disindir, dilontarkan dengan kata-kata yang boleh err melemahkan arr perasaan saudara kita. Ataupun err dipulaukan dari segi pergaulan arr arr...” (Kajian oleh Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao :Temu bual Peserta Kajian 1: 2019).

“Yang paling cabaran mereka adalah waktu mereka setelah mereka memeluk agama Islam tanpa pengetahuan ibu bapa mereka arr. Itu cabaran yang paling besar arr. Sebab ramai keluarga yang tidak menerima mereka lagi sebagai ahli keluarga mereka, itu cabaran yang paling besar. Jadi setelah mereka bersyahadah, mereka dilihat oleh keluarga mereka dengan arr marah, ibu dan bapa mereka, kadang-kadang mereka rasa nak putus asa, nak balik kepada agama asal” (Kajian oleh Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao :Temu bual Peserta Kajian 2: 2019).

“Yang keduanya adalah penerimaan ataupun reaksi keluarga dari kedua-dua belah pihak, yang masuk Islam dan Islam sedia ada” (Kajian oleh Kamarulzaman Kawi & Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao :Temu bual Peserta Kajian 7: 2019).

3.2 Masyarakat

Prasangka adalah satu sikap yang beremosi dan *rigid* terhadap suatu kelompok manusia berdasarkan kepada ciri-ciri yang tertentu seperti etnik, agama, kelas atau jantina. Prasangka melibatkan unsur pratimbangan (*prejudgement*), iaitu satu penilaian yang dibuat tanpa atau sebelum memeriksa dan meninjau fakta-fakta yang berkenaan (Ting Chew Peh 1975: 2).

Pandangan prejudis dan negatif dari masyarakat Melayu merupakan salah satu daripada cabaran *mualaf* menerima Islam. Hasil kajian, sebahagian masyarakat Melayu menganggap kemasukan Islam golongan *mualaf* adalah kerana mempunyai motif dan kepentingan tertentu. Selain dari itu, golongan *mualaf* dianggap kelas kedua dalam masyarakat Melayu. Cabaran lain yang terpaksa dihadapi adalah pandangan masyarakat Melayu yang mahu melihat golongan *mualaf* hidup dengan mengamalkan secara total amalan dan budaya Islam (termasuklah amalan dan budaya Melayu). Sekiranya mampu hidup seperti orang Melayu, mereka dengan senang akan diterima oleh masyarakat tersebut dan begitu jugalah sebaliknya (Abdul Ghafar Haji Don & et.al. t.th.: 43).

Cabaran penyesuaian diri saudara Muslim ini dikuatkan lagi dengan kenyataan daripada Setiausaha Agung Kehormat Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM), Tuan Haji Yaakob Lazim yang dipetik dari majalah *Al-Islam* keluaran Januari 1994. Beliau mengulas: "Perasaan tidak selesa saudara-saudara Muslim di kalangan masyarakat Islam, khususnya orang Melayu mungkin disebabkan oleh sikap orang Melayu sendiri. Ramai orang kita tidak melihat kesejagatan Islam. Kita terlalu menghubungkan diri dengan Islam, sehingga ada yang merasakan saudara-saudara Muslim yang tidak mengamalkan budaya Melayu diragui kelislamannya." Tambah beliau lagi kurangnya kefahaman mengenai kesejagatan Islam di kalangan masyarakat Islam negara ini telah menimbulkan salah faham di kalangan saudara Muslim serta orang bukan Islam. Ulama fiqh melihat sesuatu dari sudut hukum-hakam dan menekankannya secara mendadak kepada saudara Muslim, sebaliknya ulama dakwah mengutamakan soal keyakinan sehingga mereka sendiri merasakan mereka patut meninggalkan larangan Islam tanpa paksaan. Pendakwah terkenal Hussein Yee yang turut memberikan pandangan dalam hal ini menyatakan ketidakmampuan masyarakat Islam membezakan budaya dengan agama membuktikan sempitnya fahaman mereka terhadap agama sendiri dan boleh menimbulkan fitnah terhadap Islam. Beliau menasihati masyarakat Islam khususnya orang Melayu perlu bersikap terbuka dan sedia berkongsi agama Islam bersama masyarakat bukan Islam yang berpotensi menjadi saudara Muslim (Nur A'thirah Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham 2009: 93-94).

Seperkara lagi yang amat menyedihkan ialah kematian seorang *mualaf* yang bernama Nai Ah Nung atau nama Islamnya Nur Salina Abdullah yang berumur 18 tahun. Berita Harian melaporkan bahawa pada 18 November 2013 seorang remaja perempuan meninggal dunia selepas dihantar ke Hospital Langkawi kerana tidak sedarkan diri akibat penderaan pada anggota badan mangsa. Orang yang disyaki melakukannya ialah keluarga angkat si mangsa. Difahamkan bahawa Nur Salina Abdullah merupakan seorang pekerja dalam sebuah kedai makan di Kampung Belanga Pecah, Langkawi dan merupakan anak angkat kepada majikannya sendiri (Adha Ghazali 2013: 23). Kejadian seperti ini seharusnya tidak berlaku kerana keluarga angkat merupakan tempat berteduh, mengadu masalah dan menjadi pembela kepada golongan *mualaf*

yang tidak mempunyai keluarga. Sepatutnya keluarga angkat berperanan sebagai contoh teladan kepada golongan *mualaf* yang memeluk Islam lebih-lebih lagi dalam usia muda, menjadi pembimbing dan pendidik dengan ilmu-ilmu Islam.

3.3 Integrasi Budaya Islam

Sebahagian daripada golongan *mualaf* sudah mempunyai pekerjaan sebelum memeluk Islam dalam bidang yang bercanggah dengan Islam. Misalnya, bekerja di premis-premis judi, kilang arak, kelab malam dan sebagainya. Selepas memeluk Islam golongan ini berada dalam dilema di antara dua keadaan iaitu sama ada meneruskan pekerjaan dengan mengetepikan tuntutan agama ataupun berhenti bekerja dan mencari pekerjaan baru untuk menyara diri dan keluarga. Selain itu, terdapat juga di kalangan *mualaf* yang mendapat tekanan dari majikan yang bukan Muslim selepas mengetahui mereka memeluk Islam sehingga dipecat ataupun berhenti sendiri kerana tidak mampu untuk menyerap tekanan-tekanan tersebut (Abdul Ghafar Haji Don & et.al. t.th.: 44).

Jika masalah *mualaf* yang kehilangan sumber pendapatan iaitu dibuang kerja sejurus majikan yang bukan Muslim mendapatinya memeluk Islam maka perkara ini akan memberikan impak yang besar kepada umat Islam kerana pihak-pihak yang terlibat tidak mampu memberinya pekerjaan baru untuk meneruskan kehidupan. Jika perkara ini tidak dapat diselesaikan maka golongan ini akan berputus asa dan berkemungkinan akan mengambil keputusan keluar daripada Islam.

Seterusnya, Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin (Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia) memberikan pandangan bahawa saudara Muslim juga berperanan dalam kehidupan sosial masyarakat dalam mengamalkan tatacara dan kebudayaan mereka selagi ianya tidak bercanggah dengan syariat Islam serta meneruskan hubungan baik kekeluargaan antara diri mereka dengan keluarga kandung dan juga sanak saudara yang lain. Misalnya, pada perayaan Tahun Baru Cina, saudara Muslim boleh turut meraikan bersama keluarga kandung kerana perayaan tersebut merupakan perayaan kebudayaan dan tidak melibatkan penyembahan yang dilarang dalam ajaran Islam (Nur A'thirah Masyaa'il Tan Abdullah @ Tan Ai Pao & Fariza Md Sham 2009: 93).

3.4 Penyesuaian Diri Sebagai Seorang Islam

Menurut Taqiyyah (2004), antara isu dan permasalahan yang dihadapi oleh saudara kita adalah proses perubahan atau penyesuaian diri memeluk Islam. Melihat dari sudut yang lebih terperinci, Awang Ismail & Mahmud (2017) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa penyesuaian diri saudara kita dari sudut pemakanan iaitu semasa berkunjung ke rumah keluarga asal menjadi salah satu sensitiviti semasa bagi saudara kita. Saudara kita yang memilih untuk memeluk Islam sememangnya akan berhadapan situasi yang sukar untuk melakukan perubahan dalam kehidupan mereka yang sebelum ini kurang terikat dengan batas-batas syariat. Isu-isu seperti penyesuaian pakaian, makanan, adat, penyesuaian ibadat serta penyesuaian diri terhadap apa yang ditegah dalam agama Islam sering mendatangkan kesukaran kepada saudara kita.

Bukanlah sesuatu yang mudah untuk merubah hampir keseluruhan aspek kehidupan saudara kita selepas mereka memeluk Islam. Ianya memerlukan bimbingan, sokongan serta kekuatan dalaman diri seseorang saudara kita itu sendiri untuk menyesuaikan kehidupan dengan agama Islam. Sebagai contoh, kalau sebelum memeluk Islam, mereka hanya bersembahyang sekali seminggu, tetapi selepas memeluk Islam, Islam menuntut supaya solat atau sembahyang itu dilaksanakan lima kali sehari semalam dengan waktu-waktu yang telah ditetapkan. Selain itu, aspek pemakaian juga perlu dititikberatkan oleh saudara kita kerana agama Islam menuntut penganutnya agar menutup aurat.

4. Tahap Penyesuaian Diri *Mualaf* Dalam Masyarakat

Soalan-soalan bagi kompetensi tahap penyesuaian diri *mualaf* dalam masyarakat terdapat 15 soalan. Ini merupakan perkara yang penting kerana di dalam bab ini penulis dapat membuat kesimpulan bahawa apakah kompetensi yang sesuai digunakan untuk seseorang *mualaf* menyesuaikan diri dalam masyarakat. Bagi penentuan parameter tahap pengukuran min terhadap cabaran tersebut dijelaskan seperti dalam jadual 15.

Jadual 15 Interpretasi skor min bagi melaporkan dapatan deskriptif statistik

Skor min	Interpretasi
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad, 2006

4.1 Dapatan Tahap Penyesuaian Diri *Mualaf* dalam Masyarakat di Sarawak
 Hasil kajian terhadap kompetensi tahap penyesuaian diri *mualaf* dalam masyarakat di Sarawak mendapati bahawa item 7 "Saya dapat menjalin hubungan silaturrahim yang baik dengan masyarakat sekeliling" merupakan item yang tertinggi skornya bagi pilihan jawapan setuju iaitu sebanyak 112 orang (60.5%). Manakala item yang tertinggi bagi pilihan jawapan setuju adalah item 2 "Saya bersikap reda, tawakkal dan sabar dalam mengharungi ujian Allah SWT" dan item 8 "Saya menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan" iaitu sebanyak 93 orang (50.3%). Perkara ini dibuktikan melalui dapatan kajian dalam Jadual 4.16. Item yang paling tinggi pilihan jawapan untuk sangat tidak setuju item 7 "Saya dapat menjalin hubungan silaturrahim yang baik dengan masyarakat sekeliling", iaitu sebanyak 29 orang (15.7%) yang sangat tidak setuju dan 17 orang (9.2%) yang hanya sekadar tidak setuju. Bukti boleh dirujuk pada Jadual 16.

Jadual 16 Taburan Dapatan Kompetensi Tahap Penyesuaian Diri *Mualaf* dalam Masyarakat di Sarawak

BIL	PERKARA		Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju
			F (%)	F (%)	F (%)	F (%)
1	Dapat mengamalkan		18(9.7%)	34(18.4%)	78(42.2%)	55(29.7%)

	ajaran Islam secara sempurna tanpa paksaan				
2	Saya bersikap reda, tawakkal dan sabar dalam mengharungi ujian Allah SWT	18(9.7%)	17(9.2%)	93(50.3%)	57(30.8%)
3	Saya mempunyai semangat untuk mendalami ilmu agama	18(9.7%)	20(10.8%)	61(33.0%)	86(46.5%)
4	Dapat bergaul dengan masyarakat dan bangsa-bangsa lain	2(1.1%)	27(14.6%)	52(28.1%)	104(56.2%)
5	Saya masih berhubung dengan keluarga kandung dan sanak saudara yang belum Islam	2(1.1%)	48(25.9%)	27(14.6%)	108(58.4%)
6	Saya turut meraikan perayaan dan adat yang jelas tidak bertentangan dengan Islam	14(7.6%)	36(19.5%)	75(40.5%)	60(32.4%)
7	Saya dapat menjalin hubungan silaturrahim yang baik dengan masyarakat sekeliling	29(15.7%)	17(9.2%)	27(14.6%)	112(60.5%)
8	Saya menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan	0(0%)	45(24.3%)	93(50.3%)	47(25.4%)
9	Saya dapat berkongsi masalah dengan saudara baru lain	27(14.6%)	18(9.7%)	47(25.4%)	93(50.3%)
10	Saya bergaul dengan mereka yang dapat meningkatkan kefahaman saya kepada Islam	8(4.3%)	33(17.8%)	91(49.2%)	53(28.6%)
11	Saya dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru	8(4.3%)	31(16.8%)	69(37.3%)	77(41.6%)
12	Bergaul mesra dengan masyarakat setempat	0(0%)	46(24.9%)	83(44.9%)	56(30.3%)
13	Memupuk persefahaman yang baik dengan masyarakat setempat	0(0%)	67(36.2%)	55(29.7%)	63(34.1%)

14	Menghormati budaya masyarakat setempat	13(7.0%)	27(14.6%)	80(43.2%)	65(35.1%)
15	Bertoleransi terhadap kepelbagaian cara hidup masyarakat setempat	0(0%)	28(15.1%)	88(47.6%)	69(37.3%)

Sumber: Soal Selidik, 2019

Dalam Jadual 17, purata *mean* (min) dan *mode* (mod) dalam faktor pemelukan Islam melalui ilham *mualaf* di Sarawak menunjukkan terdapat 1 item yang mempunyai skor tertinggi nilai min iaitu item 4 “Dapat bergaul dengan masyarakat dan bangsa-bangsa lain” iaitu sebanyak 3.39 nilai min. Bukti nilai min boleh dirujuk pada Jadual 17.

Jadual 17 Taburan Dapatan Kompetensi Tahap Penyesuaian Diri *Mualaf* dalam Masyarakat di Sarawak

Bil	Perkara	Minimum	Maximum	Min	Mod
1	Dapat mengamalkan ajaran Islam secara sempurna tanpa paksaan	1	4	2.92	3
2	Saya bersikap reda, tawakkal dan sabar dalam mengharungi ujian Allah SWT	1	4	3.02	3
3	Saya mempunyai semangat untuk mendalami ilmu agama	1	4	3.16	4
4	Dapat bergaul dengan masyarakat dan bangsa-bangsa lain	1	4	3.39	4
5	Saya masih berhubung dengan keluarga kandung dan sanak saudara yang belum Islam	1	4	3.30	4
6	Saya turut meraikan perayaan dan adat yang jelas tidak bertentangan dengan Islam	1	4	2.98	3
7	Saya dapat menjalinkan hubungan silaturrahim yang baik dengan masyarakat sekeliling	1	4	3.20	4
8	Saya menghadiri aktiviti-aktiviti keagamaan	1	4	2.01	3

9	Saya dapat berkongsi masalah dengan saudara baru lain	1	4	3.11	4
10	Saya bergaul dengan mereka yang dapat meningkatkan kefahaman saya kepada Islam	1	4	3.02	3
11	Saya dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran baru	1	4	3.16	4
12	Bergaul mesra dengan masyarakat setempat	1	4	3.05	3
13	Memupuk persefahaman yang baik dengan masyarakat setempat	1	4	2.98	2
14	Menghormati budaya masyarakat setempat	1	4	3.06	3
15	Bertoleransi terhadap kepelbagaian cara hidup masyarakat setempat	1	4	3.22	3

Sumber: Soal Selidik, 2019

5. Kesimpulan

Kajian dijalankan bagi melihat dan mengkaji tahap penyesuaian diri *mualaf* dalam kalangan masyarakat di sekitar mereka. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS 21.0. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran *mualaf* di Sarawak terbahagi kepada tiga cabaran. Antaranya ialah cabaran keluarga, cabaran masyarakat dan cabaran integrasi budaya Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa cabaran ketara golongan *mualaf di Sarawak* adalah dalam item 14 "Masyarakat tidak membantu dalam pembangunan *mualaf*", mendapat nilai min tertinggi iaitu 3.36 dan mod dapatan adalah 4. Ini menunjukkan bahawa majoriti di kalangan responden bersetuju bahawa cabaran tersebut adalah cabaran yang paling ketara dalam kalangan mereka. Manakala cabaran yang berada di tahap paling rendah adalah cabaran faktor yang berada di tahap paling rendah adalah dari faktor perkahwinan iaitu pada item 27 "Sukar untuk istiqamah dalam beramal dengan Islam" bahawa skor min berada pada tahap 2 (rendah) iaitu 2.79 dan mod kajian adalah 2 pada tahap yang "tidak setuju" terhadap 5 item pembolehubah yang ditanyakan.

Dalam dapatan tahap pula, penulis mendapati bahawa item 4 "Dapat bergaul dengan masyarakat dan bangsa-bangsa lain" iaitu sebanyak 3.39 nilai min adalah item yang tertinggi dipilih oleh responden. Jadi jelas menunjukkan bahawa masyarakat perlu peka terhadap golongan *mualaf* ini agar mereka dapat menyesuaikan diri dalam kalangan

masyarakat. Jika tidak terdapat dorongan dan sokongan daripada masyarakat sekitar, golongan ini akan mudah terjebak kembali kepada agama asal mereka.

Rujukan

Ahmad Redzuwan Mohd Yunus et., al. (2011). Penghayatan Islam saudara baru Orang Asli Kg. Sg. Berua Terengganu. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit (pnyt). *Isu-isu Pengurusan Saudara Muslim*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.

Ahmad Sunawari Long. (2009). *Pengenalan Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: FPI, UKM.

Aisyah Jami'an.(2005). *Penghayatan di kalangan saudara baru India di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Anuar Puteh. (2002). *Keperluan Bimbingan Kepada Saudara Baru*. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, et.al. (pnyt). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam, UKM.

Anuar Puteh. (2002). Saudara baru Cina di Malaysia: kepentingannya dalam konteks dakwah. Dlm. Sulaiman Ibrahim et. al. (pnyt). *Dakwah kepada Masyarakat Muslim di Malaysia*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.

Anuar Puteh. (2005). Keperluan bimbingan kepada saudara baru. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, et.al. (pnyt). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islam, UKM.

Anuar Puteh. (2011). Kefahaman dan amalan ajaran Islam dalam kalangan saudara baru masyarakat Siam di Kelantan. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit (pnyt). *Isu-isu Pengurusan Saudara Muslim*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, FPI, UKM.

Azhar Ahmad. (2006). Strategi pembelajaran dan pengaturan sendiri pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah. Tesis Dr. Fal, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ibn Manzur, Muhammad bin Makram. (2000). *Lisan al-'Arabi*. Bairut: Dar al-Fikr.

Iran Herman. 1998. *Nilai Persepsi Jangkaan Saudara Baru Cina Terhadap Masyarakat dan Agama Islam*. Bangi: UKM

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2010). *Pelan Strategik Jabatan-Jabatan Mufti Seluruh Malaysia 2010-2014*. Shah Alam: JAKIM.

Jonathan Ensor & Rachel Berger. (2009). *Community-Based Adaptation and Culture in Theory and Practice*. Oxford: Cambridge University Press.

Juhaidi Yean Abdullah. (2012). *Isu murtad di Malaysia: perlunya kaedah inovatif dan tegas*. Dlm. Mohd Shauki Abd Majid et. al. (pnyt). *Dakwah Jendela Pemikiran Ummah*. Kuala Lumpur: YADIM.

Mariam Abdul Majid. (2011). *Mualaf di negeri Selangor Darul Ehsan: kajian tentang kepuasan diri dalam kehidupan Islam*. Tesis Dr. Fal, Jabatan Pengajian Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya.

Marlon Pontino Guleng. *Penyesuaian Diri Golongan Mualaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM*. Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah & Kepimpinan, FPI, UKM.

Md Rosli Bin Haji Ismail. (2007). *Interaksi dan adaptasi budaya golongan ekspatriat Jepun di Malaysia*. Tesis Sarjana Institut Kajian Antarabangsa dan Malaysia, UKM.

Syamsudin. (2005). *Psikologi Pendidikan dan Perkembangan*. Yogya: Cet. 2. *The Concise Oxford Dictionary*. 1995. New York: Oxford University Press.

Timothy D. Wilson & Daniel T. Gilbert. (2008). *Explaining Away A Model of Affective Adaptation*. Cambridge: Harvard University.

Yusuf Ali. (1973). *The Holy Al-Quran: English Translation & Commentary*. Lahore: Kashmiri Bazar.

Zainal Abidin Safarwan. (1995). *Kamu Besar Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.